

GARISPANDU PENYEDIAAN ‘HSSE POLICY’ SEKOLAH

1.0 TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk membantu para Pengetua dan Guru Besar (dengan kerjasama *HSSE Representative* dan *HSSE Committee*¹) di sekolah-sekolah Kerajaan seluruh Negara bagi menyediakan dokumen ‘HSSE Policy’ di sekolah masing-masing. Ini adalah selaras dengan peranan dan tanggungjawab setiap Ketua Sekolah (School Leaders) dalam membantu Kementerian menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk pembelajaran bagi setiap sekolah Kerajaan di seluruh Negara Brunei Darussalam.

2.0 PENYEDIAAN ‘HSSE POLICY’

2.1 Definasi ‘HSSE Policy’

Definasi Am:

Ianya adalah satu kenyataan bertulis oleh Ketua Organisasi yang menyatakan komitmen sesuatu Organisasi untuk melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja dan orang ramai yang mungkin terlibat secara langsung atau tidak langsung didalam operasi sehari-hari Organisasi berkenaan. Ia adalah komitmen yang disahkan oleh pihak pengurusan untuk pekerjanya mengenai kesihatan dan keselamatan mereka.

Definasi dalam konteks peringkat Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan:

Ianya adalah satu kenyataan bertulis oleh Ketua Sekolah (School Leaders) yang menyatakan komitmen Sekolah tersebut untuk melindungi kesihatan dan keselamatan semua pegawai-pegawai, guru-guru, kakitangan, pelajar-pelajar dan orang awam yang mungkin terjejas dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sekolah berkenaan.

2.2 Siapa yang dipertanggungjawabkan dalam penyediaan nya?

Ketua Sekolah (School Leaders) dan dibantu oleh HSSE Representative yang telah dilantik dan juga ahli Jawatankuasa HSSE (HSSE Committee¹) di sekolah berkenaan. Dokumen ini hendaklah ditandatangani oleh Ketua Sekolah (Pengetua atau Guru Besar) tersebut.

2.3 Apakah isi kandungan yang perlu ada dalam HSSE Policy sekolah?

Setiap HSSE Policy sekolah perlu ada 3 perkara (bahagian) seperti yang dinyatakan di bawah;

I. Kenyataan Polisi (Policy Statement)

Menggariskan komitmen Ketua Sekolah (School Leaders) untuk pengurusan dan pengendalian kesihatan dan keselamatan secara berkesan beserta dengan matlamat-matlamat (objektif) yang ingin dicapai bagi sekolah berkenaan dalam aspek-aspek kesihatan dan keselamatan.

II. Tanggungjawab (Responsibility)

Bahagian ‘tanggungjawab’ menetapkan siapa yang bertanggungjawab untuk tindakan-tindakan tertentu di dalam organisasi berkenaan. Lazimnya setiap lapisan warga bagi setiap sekolah dari Ketua Sekolah, guru-guru, kakitangan sehingga peringkat pelajar akan ditentukan dengan tanggungjawab dan peranan masing-masing bagi memastikan segala peraturan dan pengawalan dalam aspek kesihatan dan keselamatan dikuatkuasakan dan sentiasa dipatuhi.

III. Pengaturan (Arrangements)

Bahagian ini mengandungi perkara-perkara terperinci mengenai dasar dan peraturan-peraturan yang harus dipatuhi dan diamalkan oleh semua lapisan warga sekolah demi untuk mencapai matlamat yang dinyatakan dalam kenyataan polisi (policy statement).

Peringatan:

1. Dalam penulisan ‘HSSE Policy’ sekolah, awda hendaklah memastikan segala isi kandungannya adalah selaras dengan Akta-akta berkaitan dan sedang berkuatkuasa pada masa ini dan juga semua prosedur operasi standard (SOP’s) yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan & Alam Sekitar, Jabatan Pentadbiran & Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.
2. Adalah dijangkakan semua ahli jawatankuasa HSSE sekolah (HSSE Committee¹) akan dapat menyumbang dalam penyediaan ‘HSSE Policy’ menurut pengagihan tugas, bidangkuasa dan kepakaran.

3.0 RUJUKAN LANJUT

Di bawah disenaraikan beberapa pautan laman web yang boleh dirujuk bagi membantu awda dalam penyediaan HSSE Policy di sekolah awda;


3.1 Panduan penulisan dasar HSE

<http://www.hse.gov.uk/toolbox/managing/writing.htm>

3.2 Prosedur Operasi Standard (SOP’s) dan templet


<http://www.moe.gov.bn/>

Select “Download PDF & Files”



Click **RESOURCES** ▾

Click on “Standard Operating Procedures”



¹ Panduan bagi penubuhan HSSE Committee bolehlah dirujuk di dalam Panduan Penubuhan HSSE Committee di Sekolah dalam dokumen yang berasingan.

3.3 Perundangan

Disenaraikan di bawah akta-akta berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam pada masa ini;

Workplace Safety & Health Order 2009 (WSHO 2009)

http://agc.gov.bn/AGC%20Images/LAWS/Gazette_PDF/2009/EN/s044.pdf

Fire Safety Order 2016 (FSA 2016)

http://agc.gov.bn/AGC%20Images/LAWS/Gazette_PDF/2016/EN/S012.pdf

Tobacco Order 2005

http://agc.gov.bn/AGC%20Images/LAWS/Gazette_PDF/2005/EN/S049.pdf

- Tamat -

¹ Panduan bagi penubuhan HSSE Committee bolehlah dirujuk di dalam Panduan Penubuhan HSSE Committee di Sekolah dalam dokumen yang berasingan.